

## IKLAN JAWATAN KOSONG STAF PENTADBIRAN

### KUMPULAN PENGURUSAN & PROFESIONAL DAN PELAKSANA

Universiti Sultan Zainal Abidin merupakan sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej 1971, dengan ini mempelawa seluruh warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan **(TETAP)** di Hospital Pengajar UniSZA sepertimana berikut:

BIL.	JAWATAN	GRED	KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	JADUAL GAJI	
				MINIMUM	MAKSIMUM
<b>KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL</b>					
1.	PEGAWAI PERUBATAN GRED PAKAR	UD55/UD56	PERUBATAN & KESIHATAN	RM 6,504.00	RM 14,063.00
2.	PEGAWAI PEMULIHAN PERUBATAN	U41	PERUBATAN & KESIHATAN	RM 2,429.00	RM 9,656.00
<b>KUMPULAN PELAKSANA</b>					
3.	JURURAWAT	U36	PERUBATAN & KESIHATAN	RM 3,590.00	RM 7,605.00

**KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**

**1. PEGAWAI PERUBATAN (PAKAR UD55/56)**

**SYARAT LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan jawatan di atas mestilah memiliki kelayakan berikut:

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan;
- (c) (i) ijazah dalam ilmu perubatan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar sementara atau penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia; atau  
(ii) calon yang dilantik di bawah seksyen 12(1)(a)(ii) Akta Perubatan 1971 dan telah memenuhi Peraturan-peraturan Perubatan seperti perenggan 12(1) (aa) serta telah berdaftar sementara dengan Majlis Perubatan Malaysia.
- (d) Pegawai Perubatan Gred UD53/54 yang diwartakan pakar sahaja adalah layak dipertimbangkan bagi pelantikan ke jawatan Pegawai Perubatan Gred Pakar UD55/56.

**SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan ini hendaklah Lulus dalam Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu (termasuk ujian lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**SYARAT TAMBAHAN**

Keutamaan diberikan kepada calon yang mempunyai pengalaman dan kepakaran di dalam bidang berkaitan dan pengkhususan berikut:

- (i) Perubatan Dalaman
- (ii) Pediatrik
- (iii) Psikiatri
- (iv) Anaesthesiologi
- (v) Surgeri
- (vi) Oftalmologi
- (vii) Perubatan Kecemasan
- (viii) Otorinolaringologi (ORL-HNS)
- (ix) Obstetrik dan Ginekologi
- (x) Ortopedik
- (xi) Radiologi
- (xii) Patologi
- (xiii) Forensik

## 2. PEGAWAI PEMULIHAN PERUBATAN (PERTUTURAN) (U41)

### SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan jawatan di atas mestilah memiliki kelayakan berikut:
  - (a) Warganegara Malaysia;
  - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan;
  - (c) (i) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang pemulihan perubatan (pertuturan) atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

### SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon bagi lantikan ini hendaklah Lulus dalam Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu (termasuk ujian lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

### SYARAT TAMBAHAN

Keutamaan diberikan kepada calon mempunyai pengalaman bekerja di dalam bidang berkaitan di hospital atau klinik kesihatan.

## KUMPULAN PELAKSANA

### 1. JURURAWAT (U36)

#### SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan jawatan di atas mestilah memiliki kelayakan berikut:
  - (a) Warganegara Malaysia;
  - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan;
  - (c) (i) Diploma dalam bidang kejururawatan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar dengan Lembaga Jururawat Malaysia.

#### SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon bagi lantikan ini hendaklah Lulus dalam Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu (termasuk ujian lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

#### SYARAT TAMBAHAN

Calon mestilah mempunyai **sekurang-kurangnya enam (6) tahun** pengalaman bekerja sebagai ketua jururawat dan memiliki **Diploma Lanjutan / Sijil Pos Basik**.

**PERHATIAN KEPADA PEMOHON**

- (a) Setiap pemohon **MESTILAH** memuatnaik gambar berukuran pasport dan sijil-sijil yang berkaitan. Kegagalan pemohon berbuat demikian akan menyebabkan permohonan tidak akan diproses.
- (b) Hanya permohonan yang disenarai pendek sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
- (c) Pemohon-pemohon yang tidak menerima jawapan selepas **enam (6) bulan** dari tarikh tutup iklan jawatan adalah dianggap tidak berjaya.

**PERMOHONAN OLEH PEGAWAI YANG SEDANG BERKHIDMAT**

Pemohon yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan/Badan Berkanun hendaklah mengemukakan permohonan bersama satu salinan Kenyataan Perkhidmatan yang telah dikemaskini dan salinan Laporan Prestasi Tahunan (3 tahun berturut-turut) ke alamat seperti berikut:

**Pusat Pembangunan Hospital Universiti  
Universiti Sultan Zainal Abidin  
Kampus Gong Badak  
21300 Kuala Nerus  
Terengganu Darul Iman**

**CARA MEMOHON**

- (a) Permohonan hendaklah dibuat secara atas talian (*on-line*) melalui pautan di bawah; <https://ejawatan.unisza.edu.my/jaw2/borang.php> atau layari laman sesawang UniSZA <http://www.unisza.edu.my>.

- (b) Sebarang pertanyaan sila hubungi pihak urus setia di talian:

- i. **Puan Fara Fauzia binti Udin** (09-6688939)  
**Penolong Pendaftar**
- ii. **Encik Mohd Amir bin Mamat** (09-6688790)  
**Penolong Pegawai Tadbir**
- iii. **Cik Nor Aida binti Ilias** (09-6688393)  
**Pembantu Tadbir (P/O)**

Jika terdapat masalah teknikal semasa pengisian, sila hubungi pegawai daripada Pusat Pengurusan Infostruktur dan Rangkaian, **Puan Sharifah Noorfadhila binti Syed Alwi (09-6688848)** atau **Encik Nik Farid bin Nik Mohd (09-6688839)**.

- (c) Tarikh akhir permohonan adalah pada **15 Februari 2021**.

Fail : UniSZA.C/2/PPHU/626-1 Jld.2 (27)  
Bertarikh : 7 Februari 2021

# UniSZA DI PERSADA 40 TAHUN